

# Kerajaan akan siasat

UM 28 JUN 2001

KUALA LUMPUR 27 Jun — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan menyiasat cadangan Intrakota untuk mengurangkan laluan bagi memastikan sama ada ia disebabkan oleh kekurangan penumpang seperti yang didakwa atau operasi yang tidak cekap.

Perdana Menteri berkata, cadangan Intrakota bagi menghentikan perkhidmatan di 16 laluan mulai 15 Julai ini mungkin berkait rapat dengan masalah kekurangan penumpang dan bukannya akibat ketidakcekapan syarikat.

“Mereka (Intrakota) adalah satu organisasi perniagaan dan kita tidak boleh meminta mereka menyediakan perkhidmatan kebajikan.

“Bagaimanapun kerajaan masih akan menyiasat perkara ini bagi memastikan mereka tidak menghentikan perkhidmatan ini kerana mereka tidak boleh membuat untung melalui ketidakcekapan mereka sendiri,” jelas Perdana Menteri.

Dr. Mahathir berkata kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan pada Kongres Pembangunan Ekonomi Dunia ke-10 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

## Kerugian

Menurut Perdana Menteri, Intrakota perlu mengambil kira pendapatan mereka kerana syarikat itu mempunyai para pemegang saham yang sudah tentu tidak mahu kerugian.

Dr. Mahathir mengulas mengenai kenyataan Ketua Pegawai Eksekutif Intrakota Komposit Sdn. Bhd., Zainuddin Fathodin kelmarin bahawa syarikat itu akan menamatkan perkhidmatan basnya di 16 laluan sekitar ibu negara yang disifatkan sebagai “sama sekali tidak menguntungkan.”

Zainuddin menyatakan laluan tersebut tidak mendapat sambutan orang ramai dan Intrakota terpaksa menanggung kerugian sebanyak RM65,000 sehari atau RM2 juta sebulan kerana mengikuti laluan berkenaan.

Cadangan tersebut menerima tentangan orang ramai, persatuan-persatuan pengguna serta badan bukan kerajaan yang menggesa supaya Intrakota lebih mengutamakan penggu-

# cadangan Intrakota — PM

na dan bukannya mengejar keuntungan semata-mata.

Sementara itu, Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Nazri Abdul Aziz ketika ditemui di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu hari ini, enggan mengulas mengenai cadangan Intrakota itu.

## Peruntukan

Ditanya berkenaan pelantikan Setiausaha Politik keturunan Cina di pejabatnya, Perdana Menteri berkata, beliau memerlukan dan mempunyai peruntukan untuk melantik seorang setiausaha politik.

“Ia (pelantikan) adalah baik untuk saya kerana 26 peratus dari penduduk Malaysia adalah berbangsa Cina (kerana) dia boleh memberikan perkhid-

matannya kepada saya berkenaan kaum Cina,” tegasnya.

Terdahulu, Dr. Mahathir menyaksikan Matthias Chang Wen Chieh, 51, mengangkat sumpah sebagai Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri di Putrajaya.

Perdana Menteri turut menolak andaian bahawa Malaysia menghadapi kemelesetan ekonomi sekiranya pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada suku tahun kedua 2001 menguncup berbanding pertumbuhan pada suku tahun pertama 2001.

“Perbandingan (untuk memastikan pertumbuhan ekonomi) dibuat dengan suku tahun pada tahun lalu (2000), bukannya suku tahun sebelumnya.

“Kemelesetan hanya akan terjadi

sekiranya ada dua suku tahun yang mengecut secara berturut-turut,” tegasnya.

Ketika wartawan menyatakan terdapat analisis ekonomi yang membandingkan antara satu suku tahun dengan suku tahun sebelumnya, Dr. Mahathir berkata, kerajaan tidak membuat kiraan pertumbuhan berasaskan pendekatan itu.

“Tidak, tidak, kita tidak kira begitu kerana kalau kita memperoleh pertumbuhan sebanyak lapan peratus pada suku tahun pertama, tujuh peratus pada suku tahun kedua dan enam peratus pada suku tahun ketiga, kita sudah memperoleh pertumbuhan purata yang baik iaitu enam peratus,” jelasnya.